



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : BAHAN BINAAN**  
**KOD KURSUS : DSB1033**  
**PEPERIKSAAN : OKTOBER 2017**  
**MASA : 2 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: BAHAGIAN A (10 Markah)  
BAHAGIAN B (60 Markah)  
BAHAGIAN C (30 Markah)
2. Anda dikehendaki mula menjawab setiap jawapan di muka surat baru. Lakarkan gambarajah jika perlu bagi membantu jawapan anda.
3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 9 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---













**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **SEPULUH (10)** soalan berpandukan gambarajah.

Namakan setiap rajah dengan jawapan yang tepat.

Jawab SEMUA di dalam Buku Jawapan.

Nama ira kayu	Rajah Ira kayu
1. ....	
2. ....	
3. ....	
4. ....	
5. ....	

Nama rajah	Rajah kecacatan kayu
6. ....	
7. ....	
8. ....	
9. ....	
10. ....	

[10 MARKAH]

**BAHAGIAN B**





Bahagian ini mengandungi **SEMBILAN BELAS (19)** soalan.

Jawab SEMUA soalan. Jawab di dalam Buku Jawapan.

1. Nyatakan antara **dua (2)** fungsi hutan di Malaysia.  
(3 markah)
  
2. Terangkan antara **dua (2)** langkah yang dilaksanakan oleh pihak tertentu untuk memelihara tumbuh-tumbuhan dan hutan di negara kita.  
(4 markah)
  
3. Nyatakan antara **tiga (3)** fungsi kayu.  
(3 markah)
  
4. Nyatakan antara **tiga (3)** tujuan kayu dikeringkan sebelum diproses.  
(3 markah)
  
5. Nyatakan antara **tiga (3)** ciri-ciri bahan pengawetan kayu yang baik.  
(3 markah)
  
6. Namakan antara **empat (4)** jenis batu bata yang telah dipelajari.  
(4 markah)
  
7. Terangkan antara **dua (2)** jenis batu bata yang telah anda sebutkan di atas.  
(4 markah)
  
8. Nyatakan saiz purata batu bata yang baik dalam ukuran unit mm bagi panjang, lebar dan tinggi.  
(3 markah)
  
9. Sebutkan antara **dua (2)** sifat batu bata yang baik dan berkualiti.  
(2 markah)

10. Terangkan definisi konkrit.  
(2 markah)
11. Nyatakan antara **empat (4)** faktor yang mempengaruhi kualiti konkrit.  
(4 markah)
12. Senaraikan antara **tiga (3)** jenis simen yang digunakan dalam bancuhan konkrit.  
(3 markah)
13. Terangkan antara **dua (2)** jenis simen yang anda telah sebutkan di atas.  
(4 markah)
14. Sebutkan antara **dua (2)** jenis batu baur yang digunakan dalam konkrit.  
(2 markah)
15. Namakan antara **dua (2)** ujian yang dijalankan ke atas simen.  
(2 markah)
16. Namakan antara **dua (2)** ujian yang dijalankan ke atas batu baur.  
(2 markah)
17. Terangkan dengan ringkas cara menyimpan simen di tapak bina. Lakarkan rajah untuk membantu jawapan anda.  
(4 markah)
18. Terangkan dengan ringkas cara penyimpanan batu baur di tapak bina. Lakarkan rajah untuk membantu jawapan anda.  
(4 markah)

19. Namakan setiap rajah ujian konkrit di bawah.

Nama rajah	Rajah Ujian Konkrit
a. ....	
b. ....	
c. ....	
d. ....	

(4 markah)

[60 MARKAH]

**BAHAGIAN D**

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan, jawab **TIGA (3)** soalan sahaja.

Jawab di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**


- a. Kayu tempatan dikelaskan kepada empat kumpulan mengikut kegunaannya iaitu Kumpulan Kayu Keras Dan Berat, Kumpulan Kayu Keras Dan Sederhana Berat, Kumpulan Kayu Keras Dan Ringan serta Kumpulan Kayu Lembut. Namakan **satu (1)** contoh pokok kayu bagi setiap kumpulan kayu di atas.

(4 markah)

- b. Terangkan secara ringkas produk kayu yang dinyatakan di bawah. Lakarkan rajah bagi membantu jawapan anda.

- i. Papan lapis
- ii. Papan gentian
- iii. Papan gipsum

(6 markah)

**SOALAN 2**

Rajah 1



**Rajah 1** di atas menunjukkan penyusunan batu bata untuk dijadikan dinding.

- a) Nyatakan nama susunan bata bagi dinding tersebut.  
(1 markah)
- b) Terangkan dengan ringkas kaedah pembinaan susunan bata tersebut.  
(3 markah)
- c) Nyatakan **tiga (3)** jenis bahan yang digunakan untuk mengikat batu bata di atas.  
(3 markah)
- d) Terangkan dengan ringkas proses pembuatan bata tanah liat di peringkat pengeringan.  
(3 markah)

### SOALAN 3

- a) Nyatakan antara **empat (4)** jenis bahan tambah dalam menghasilkan bancuhan konkrit.  
(4 markah)
- b) Terangkan dengan ringkas setiap kerja-kerja konkrit berikut:
- i) Menyukat bahan
  - ii) Menggaul konkrit
  - iii) Mengangkut konkrit
- (6 markah)

## SOALAN 4

a) Nyatakan antara **dua (2)** sifat logam ferus.

(2 markah)

b) Nyatakan:

i) **dua (2)** contoh logam yang dihasilkan daripada logam ferus.

ii) **dua (2)** contoh logam yang dihasilkan daripada logam bukan ferus.

(4 markah)

c) Terangkan dengan ringkas **dua (2)** langkah proses pengeluaran jongkong besi.

(4 markah)

[30 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT